



جابتن كحاكيمن شرعية فيراق دارالرضوان
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK DARUL RIDZUAN
Aras 3, Bahagian Khidmat Pengurusan,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh, PERAK DARUL RIDZUAN.

(6)05-501 8400 (6)05-501 8522 projkspk@esyariah.gov.my



esyariah.perak.gov.my

Ruj Kami : JKSPK.100-1/6/4(76)
Tarikh : 06 Syaaban 1443
9Mac 2022

**Pendaftar
Mahkamah Rayuan Syariah Perak**

**Pendaftar/Timbangan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah Perak**

**Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah Daerah**

Tuan/Tuan

**EDARAN ARAHAN KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH UTAMA SYARIAH
NEGERI PERAK BIL 1 & 2 /2022**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama ini disertakan Arahan Ketua Pendaftar Negeri Perak bil 1 & 2/2022 untuk rujukan dan panduan .
3. Segala perhatian dan kerjasama berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

**“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SYARIAH ASAS KEADILAN “**

Saya yang menjalankan amanah.

**(MUHAMMAD FAUZI BIN UZIR ABD WAHAB)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah
Perak .**



JKSPk.100-1/6/4()
Tarikh: 10 Februari 2022

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Syariah

Pendaftar / Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah

**ARAHAN KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH UTAMA SYARIAH NEGERI PERAK
BIL 1/2022**

**Penyampaian kediri Notis Permohonan & Afidavit bagi kes Permohonan
Kebenaran Poligami dan Kes Pengesahan Perkahwinan Poligami di bawah
Seksyen 23 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya ingin menjelaskan kepada Tuan/Puan berkaitan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Undang-Undang, JKSPk bil 2/2021 bertarikh 9 dan 10 Disember 2021 di Mahkamah Syariah Seri Iskandar telah menetapkan bahawa penyampaian Notis Permohonan dan Afidavit kepada Isteri/isteri-isteri sedia ada yang dijadikan Pihak Responden dalam kes Permohonan Kebenaran Poligami dan Kes Pengesahan Perkahwinan Secara Poligami di bawah seksyen 23 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 hendaklah disampaikan oleh Penghantar Notis Mahkamah kecuali diperintahkan selainnya oleh Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2022.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MUHAMMAD FAUZI BIN UZIR ABD WAHAB

Ketua Pendaftar

Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak

S.k Y.A.A Ketua Hakim Syarie Negeri Perak

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perak

Y.A Hakim Utama Mahkamah Tinggi Syariah

Hakim, Mahkamah Rendah Syariah Negeri Perak

Ketua Unit Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak

Pustakawan, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak



JKSPk.100-1/6/4 ()
Tarikh: 10 Februari 2022

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Syariah

Pendaftar / Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Syariah

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah

**ARAHAN KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH UTAMA SYARIAH NEGERI PERAK
BIL 2/2022**

**Ikrar Afidavit di hadapan Ketua Pendaftar/Pendaftar Mahkamah Rayuan
Syariah/ Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah/Timbalan Pendaftar/Penolong
Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Tanpa menjejaskan kuasa Hakim untuk mentadbirkan ikrar afidavit. Saya ingin menjelaskan kepada Tuan/Puan berkaitan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Undang-Undang, JKSPk bil 2/2021 bertarikh 9 dan 10 Disember 2021 di Mahkamah Syariah Seri Iskandar telah menetapkan bahawa ikrar afidavit daripada pihak-pihak atau peguam ditetapkan seperti berikut;

(a) Bagi kes-kes Mahkamah Utama Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah diikrarkan di hadapan mana-mana Pendaftar berikut;

- (i) Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah;
- (ii) Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah;
- (iii) Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah; atau
- (iv) Penolong/Pembantu Pendaftar Kanan yang mengendalikan kes Mahkamah Utama/Rayuan sahaja.

(b) Bagi kes-kes Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah diikrarkan di hadapan mana-mana Pendaftar berikut;

- (i) Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah;
- (ii) Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah LS 29 dan ke atas.

Dalam ketiadaan Pendaftar di perenggan (b)(i) dan (ii) di atas, ikrar affidavit boleh dibuat di hadapan Pembantu Pendaftar yang mengendalikan kes-kes Mahkamah Tinggi Syariah sahaja.

- (c) Bagi kes-kes Mahkamah Rendah Syariah hendaklah diikrarkan di hadapan mana-mana Pendaftar berikut ;
- (i) Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah LS 29 dan ke atas ;
 - (ii) Mana-mana Pendaftar atau Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah.

Dalam ketiadaan Pendaftar di perenggan c (i) dan (ii) di atas, ikrar affidavit boleh dibuat dihadapan Pembantu Pendaftar Kanan sahaja.

3. Semua affidavit yang diikrarkan hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Ikrar Affidavit menggunakan format seperti di Lampiran 1.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2022

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MUHAMMAD FAUZI BIN UZIR ABD WAHAB
Ketua Pendaftar
Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak

S.k Y.A.A Ketua Hakim Syarie Negeri Perak

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perak

Y.A Hakim Utama Mahkamah Tinggi Syariah

Hakim, Mahkamah Rendah Syariah Negeri Perak

Ketua Unit Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak

Pustakawan, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak

